

NO. SOALAN 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN V. SIVAKUMAR [BATU GAJAH]

TARIKH : 23.11.2016 (RABU)

Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan kesan kejatuhan harga minyak mentah dunia terhadap pengusaha-pengusaha stesen minyak di Malaysia. Sejauh manakah impak yang dialami dan unjuran Kerajaan mengenai industri ini dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kejatuhan harga pasaran minyak mentah dunia memberi kesan jangka pendek terhadap 1,110 stesen minyak yang mempunyai purata jualan bulanan yang rendah (jualan kurang daripada 300,000 liter sebulan) di mana pengusaha-pengusaha dalam kategori ini dianggarkan menerima pendapatan di bawah RM3,000 sebulan. Ini berlaku kerana keuntungan daripada purata jualan bulanan stesen tersebut tidak dapat menanggung kerugian perbezaan harga ke atas baki stok dari bulan sebelumnya.

Sebagai usaha untuk membantu pengusaha-pengusaha stesen minyak ini, Kementerian telah mengadakan sesi *engagement* dengan persatuan-persatuan pengusaha stesen minyak di Malaysia pada 4 Februari 2016 untuk mendapatkan input yang lebih jelas tentang kesan yang dihadapi oleh pengusaha stesen minyak berikutan penurunan harga minyak dunia. Perbincangan mendapati terdapat beberapa perkara yang menyebabkan peningkatan kos operasi dalam mengusahakan stesen minyak. Kos gaji pekerja merupakan penyumbang terbesar dalam peningkatan kos operasi stesen minyak iaitu sebanyak 40% berbanding kos-kos operasi yang lain seperti utiliti dan perkhidmatan.

Sehubungan itu, Kementerian sedang mengkaji untuk menambahbaik Sistem Khidmat Layan Diri (SKLD) yang

diperkenalkan pada tahun 1997. Kerajaan pada tahun 2008 telah mengeluarkan arahan pelaksanaan SKLD di semua stesen minyak *fullfledge* di seluruh negara kepada semua syarikat minyak dan persatuan pengusaha-pengusaha stesen minyak berjenama selaras dengan hasrat Kerajaan bagi mengurangkan bebanan kos yang ditanggung oleh pengusaha stesen minyak.

Kerajaan juga sedang meneliti semula margin keuntungan pengusaha stesen minyak di mana kali terakhir semakan semula dibuat ialah pada tahun 2008 yang menetapkan margin bagi produk diesel. Semakan semula margin keuntungan ini dijangka akan membantu pengusaha stesen minyak menampung kenaikan kos operasi dan menjana pendapatan yang lebih kompetitif.